



جاتن كحاكيم شرعيه مليسيا

KETUA PENGARAH /KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Aras 2,3 & 4, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 4800
03-8886 4888
Faks : 03-8889 1621
email : ibrahim@esyariah.gov.my
Laman Web : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.BPKR/100-5/5/2 Jld. 4 (4)

Tarikh : 26 Safar 1434H/
9 Januari 2013M

**YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah
Negeri-negeri.**

ARAHAN AMALAN NO. 3 TAHUN 2012

Prosedur Penetapan Kos Di Mahkamah Syariah

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Bil. 1 Tahun 2012 pada 14 Muharram 1434H bersamaan 28hb November 2012 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung Prosedur Penetapan Kos Di Mahkamah Syariah. Segala prosiding Penetapan Kos di dalam Akta/Enakmen/Ordinan Tatacara Mal Mahkamah Syariah hendaklah menggunakan pakai Arahan Amalan Prosedur Penetapan Kos di Mahkamah Syariah ini.

2. Bersama-sama ini disertakan Prosedur Penetapan Kos di Mahkamah Syariah untuk tindakan bagi pemakaian di negeri-negeri.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa mulai 14hb Januari 2013.

(TAN SRI IBRAHIM LEMBUT)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
PUTRAJAYA

PROSEDUR PENETAPAN KOS DI MAHKAMAH SYARIAH

Ketua Hakim Syarie menetapkan Arahan Amalan bagi Prosedur Penetapan Kos di Mahkamah Syariah seperti berikut:

BAHAGIAN 1

PERMULAAN

1. (1) Prosedur ini bolehlah dinamakan **Prosedur Penetapan Kos di Mahkamah Syariah 2012**.

(2) Prosedur ini terpakai kepada mahkamah syariah di seluruh Malaysia.

Tafsiran

2. Dalam Prosedur ini, melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain:

“Akta” ertinya Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan)1993 [Akta 505];

“Alokatur” ertinya suatu perakuan yang dikeluarkan oleh Pendaftar atau Hakim kepada Pihak Pentaksir tentang kos sebenar yang perlu dibayar oleh Pihak Ditaksir;

“Kos” termasuklah fi, caj, perbelanjaan dan saraan;

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah yang ditubuhkan di bawah seksyen 40 Akta;

“Pendaftar” ertinya Ketua Pendaftar atau Pendaftar atau Penolong Pendaftar Mahkamah Syariah yang dilantik di bawah seksyen 45 Akta;

“Pihak Pentaksir” ertinya pihak yang diawardkan kos kepadanya oleh Mahkamah;

“Pihak Ditaksir” ertinya pihak yang dikenakan kos atau pihak yang diperintahkan membayar kos prosiding sesuatu kes;

BAHAGIAN III **PENETAPAN KOS**

Permohonan

3. (1) Mana-mana pihak yang telah diawardkan kos dalam mana-mana peringkat prosiding hendaklah memohon untuk penetapan kos dengan memfaillkan Notis Penetapan Bil Kos dalam Borang TK 1 dan Bil Kos dalam TK 2.

(2) Satu salinan perintah dan dokumen-dokumen yang menunjukkan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pihak Pentaksir hendaklah difailkan bersama-sama dengan borang yang telah ditetapkan di bawah subperenggan (1).

Pendaftaran

4. Setelah dibayar fi yang ditetapkan, Pendaftar hendaklah mendaftarkan dan memeterai permohonan tersebut dan menetapkan satu tarikh bagi pentaksiran.

Penyampaian

5. (1) Borang TK 1 dan Borang TK 2 hendaklah diserahkan kepada Pihak Ditaksir tidak kurang daripada 7 hari sebelum hari kehadiran.

(2) Borang TK 1 dan Borang TK 2 hendaklah diserahkan secara ke diri kepada Pihak Ditaksir atau menghantarnya melalui pos berdaftar ke alamat terakhir Pihak Ditaksir diketahui.

(3) Pihak Pentaksir hendaklah memfaillkan satu afidavit penyampaian kepada Mahkamah.

Jawapan

6. (1) Pihak Ditaksir hendaklah mengemukakan jawapan terhadap Borang TK 2 dalam tempoh 7 hari dari tarikh penerimaan borang tersebut.

(2) Pihak Ditaksir hendaklah mencatatkan jawapan dengan menyatakan P (prinsip), Q (quantum) atau kedua-duanya diruangan bantahan terhadap mana-mana butiran di dalam Borang TK 2.

- (3) Satu salinan jawapan di dalam Borang TK 2 hendaklah disampaikan kepada Pihak Pentaksir dan Pendaftar.
- (4) Tertakluk kepada bukti penyampaian, jika Pendaftar tidak menerima apa-apa bantahan daripada Pihak Ditaksir pada hari kehadiran, Pendaftar boleh meneruskan pentaksiran kos.

Pentaksiran di hadapan Pendaftar

7. (1) Pada hari pentaksiran, Pihak Pentaksir dan Pihak Ditaksir atau Peguam Syarie mereka hendaklah hadir di hadapan Pendaftar.
 - (2) Jika, pada masa pentaksiran tersebut—
 - (a) Pihak Pentaksir atau tiada satu pihak pun hadir, Pendaftar boleh membuang permohonan tersebut, atau
 - (b) Pihak Ditaksir tidak hadir, Pendaftar boleh mendengar dan memutuskan permohonan itu tanpa kehadirannya setelah berpuashati penyampaian telah disempurnakan sewajarnya atau menangguhkan prosiding tersebut.

Perundingan

8. Pihak Pentaksir dan Pihak Ditaksir boleh pada mana-mana peringkat prosiding sebelum keputusan diumumkan, mengadakan perundingan bagi menyelesaikan pertikaian berkaitan permohonan itu.

Tatacara Pentaksiran

9. (1) Semasa prosiding pentaksiran, Pihak Pentaksir hendaklah memulakan prosiding dengan menyatakan terlebih dahulu—
 - (a) Butiran yang mana prinsip dan quantumnya dipersetujui;
 - (b) Butiran yang mana prinsip dipersetujui tetapi quantum tidak dipersetujui; dan
 - (c) Butiran yang mana prinsip dan quantum tidak dipersetujui.
 - (2) Pihak Pentaksir hendaklah membuktikan tuntutan setiap butiran dengan mengemukakan dokumen yang menyokong tuntutan apabila sesuatu butiran yang mana prinsip atau quantum tidak dipersetujui oleh Pihak Ditaksir.

(3) Pendaftar hendaklah merekodkan apa-apa penghujahan yang dikemukakan ke atas bantahan terhadap mana-mana butiran didalam nota prosiding oleh kedua-dua belah pihak.

(4) Pendaftar hendaklah merekodkan semua butiran berkaitan prinsip atau quantum atau kedua-duanya yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak dengan memastikan semua butiran tersebut mengikut kehendak Bahagian V Prosedur ini.

(5) Pendaftar boleh atas budi bicaranya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak menangguhkan prosiding taksiran dari masa ke semasa jika difikirkan perlu.

Keputusan

10. (1) Pendaftar hendaklah memutuskan sama ada:

- (a) Jika butiran yang mana prinsip dipersetujui tetapi quantum tidak dipersetujui; menerima atau mengurangkan quantum; atau
- (b) Jika butiran yang mana prinsip dan quantum tidak dipersetujui ; mengekalkan butiran atau mengeluarkan butiran tersebut serta memutuskan menerima atau mengurangkan quantum.

(2) Pendaftar hendaklah merekodkan apa-apa jumlah amaun yang ditolak atau dikurangkan diruang (vii) dalam borang TK 2.

Penjumlahan Kos

11. (1) Pendaftar hendaklah menjumlahkan kos yang sebagaimana berikut:

- (a) Amaun keseluruhan ialah jumlah kos yang di campur dengan jumlah perbelanjaan;
- (b) Amaun ditolak ialah jumlah kos yang telah ditaksirkan oleh Pendaftar; dan
- (c) Bagi mendapatkan jumlah keseluruhan, jumlah diperenggan (a) DITOLAK dengan jumlah di perenggan (b) dan DI TAMBAH Fi Alokatur

Alokatur

12. Pihak Pentaksir hendaklah memfailkan alokatur atau perakuan dengan menggunakan Borang TK 3 bagi jumlah kos yang telah ditaksirkan oleh Pendaftar untuk dimeterai. Satu salinan alokatur atau perakuan yang telah dimeterai hendaklah disampaikan kepada Pihak Ditaksir.

BAHAGIAN IV **RAYUAN**

13. (1) Mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan Pendaftar terhadap mana-mana butiran kos yang diputuskan dalam taksiran kos boleh membuat rayuan di hadapan Hakim dalam Kamar.

(2) Satu Notis Rayuan dalam Borang TK 4 dan Alasan Rayuan dalam Borang TK 5 sebanyak 3 salinan hendaklah difailkan dalam tempoh 14 hari selepas keputusan taksiran kos dibuat.

(3) Perayu hendaklah menyerahkan satu salinan Notis Rayuan dan Alasan Rayuan kepada pihak Responden dalam tempoh 14 hari selepas notis rayuan difailkan.

(4) Pihak Responden bolehlah, dalam masa 14 hari dari tarikh penerimaan Alasan Rayuan, memfailkan Jawapan Alasan Rayuan dalam Borang TK 6 dan menyerahkannya kepada Perayu.

Perakuan Penetapan Kos

14. (1) Perayu hendaklah memohon kepada Pendaftar untuk mendapatkan Perakuan Penetapan Kos dengan menggunakan Borang TK 7.

(2) Apabila Pendaftar menerima permohonan dalam Borang TK 7, Pendaftar hendaklah menyediakan Perakuan Penetapan Kos di dalam Borang TK 8 dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan itu diterima.

(3) Apabila perakuan telah siap, Pendaftar hendaklah memaklumkan kepada Perayu dalam Borang TK 9.

(4) Perayu hendaklah menyediakan 3 salinan rekod rayuan dalam tempoh 30 hari selepas menerima Borang TK 9. Rekod rayuan hendaklah mengandungi dokumen-dokumen berikut:
 - (a) Bil Kos (Borang TK 2)
 - (b) Notis Rayuan (Borang TK 4)
 - (c) Alasan Rayuan Perayu(Borang TK 5)

- (d) Jawapan Alasan Rayuan(Borang TK 6)
 - (e) Perakuan Penetapan Kos (Borang TK 8)
 - (f) Nota Prosiding; dan
 - (g) Dokumen-dokumen lain yang difikirkan perlu.
- (5) Pihak-pihak boleh memfailkan penghujahan bertulis selewat-lewatnya 7 hari sebelum tarikh pendengaran rayuan.

Pendengaran Rayuan

15. (1) Pada hari pendengaran rayuan pihak Perayu hendaklah mengemukakan penghujahan terlebih dahulu diikuti oleh pihak Responden. Pihak Perayu berhak untuk menjawab semula setelah pihak Responden mengemukakan hujahnya.
- (2) Jika pada masa pendengaran rayuan itu—
- (a) Perayu dan Responden tidak hadir, Hakim boleh membuang rayuan itu;
 - (b) Responden tidak hadir, Hakim boleh mendengar dan memutuskan rayuan itu tanpa kehadirannya; atau
 - (c) Perayu tidak hadir, Hakim boleh membuang rayuan itu dan mendengar serta memutuskan rayuan balas (jika ada).
- (3) Melainkan jika diarahkan selainnya oleh Hakim, tiada keterangan lanjut boleh diterima semasa pendengaran rayuan sesuatu permohonan di bawah Prosedur ini dan tiada alasan bantahan boleh dibangkitkan semasa rayuan kecuali semasa pendengaran permohonan sedemikian , Hakim boleh menjalankan segala kuasa dan budi bicara seperti yang terletak hak pada Pendaftar berhubung dengan hal perkara rayuan itu.
- (4) Hakim boleh menangguhkan prosiding dari masa ke semasa, jika difikirkan perlu.
- (5) Selepas keputusan dibuat terhadap rayuan dihadapan Hakim, pihak Pentaksir hendaklah memfailkan alokatur dengan menggunakan Borang TK 3 bagi jumlah kos yang telah ditaksirkan semula untuk dimeterai oleh Mahkamah dan menyerahkan sesalinan kepada Pihak Ditaksir.
- (6) Tiada rayuan boleh dibuat terhadap apa-apa keputusan Hakim.

BAHAGIAN V FI, ELAUN DAN KOS

Fi Mahkamah

16. Fi hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Prosedur Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Fi) (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2011 [P.U.(A) 257/2011].

Skala Kos dan Elaun

17. Skala Kos dan Elaun hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Prosedur Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Kos dan Elaun) (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2011 [P.U.(A) 258/2011].

BAHAGIAN VI AM

Perlanjutan Masa

18. Mana-mana peruntukan dalam Prosedur ini yang melibatkan tempoh masa, jika ia tidak dapat dibuat dalam tempoh masa yang dinyatakan, suatu permohonan boleh dibuat kepada Pendaftar atau Hakim untuk melanjutkan tempoh berkenaan dan Pendaftar atau Hakim boleh membenarkan atau tidak membenarkan permohonan tersebut.

Hukum Syarak

19. Mana-mana peruntukan yang tidak diperuntukan dengan nyata di dalam Prosedur ini hendaklah merujuk kepada Hukum Syarak dan undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa.

Penguatkuasaan dan Pelaksanaan

20. Apa-apa perintah pelaksanaan dan penguatkuasaan yang dikeluarkan di bawah Prosedur ini hendaklah mematuhi Bahagian XVII Akta/Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah.

Borang-Borang

21. Borang-Borang yang digunakan dalam Prosedur ini sepetimana dalam Jadual Pertama.

Pemansuhan

22. (1) Prosedur Negeri.....yang sedia ada adalah dimansuhkan *

(2) Jika mana-mana kes atau perkara belum selesai di hadapan mana-mana Hakim/Pendaftar pada permulaan kuat kuasa arahan amalan ini, peruntukan arahan amalan ini hendaklah terpakai berkenaan dengan prosiding kes atau perkara itu setakat yang tidak menyebabkan ketidakadilan.

23. Jadual

JADUAL PERTAMA

**JADUAL PERTAMA
BORANG-BORANG
[BORANG TK 1]**

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI/RAYUAN SYARIAH.....(Negeri)

Di.....(Daerah)

KES MAL NO.

Antara

..... Pihak Pentaksir

Dengan

..... Pihak Ditaksir

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI/RAYUAN SYARIAH(Negeri)

Di(Daerah)

Kes Mal No.

Antara

..... Plaintiff/ Pemohon/Perayu

Dengan

..... Defenden/ Responden

NOTIS PENETAPAN BIL KOS

AMBIL PERHATIAN bahawa Pendaftar Mahkamah Rendah/ Tinggi/ Rayuan Syariah(Negeri) di telah menetapkan pada hb 20....., pada jam pagi/petang untuk mentaksir Bil Kos mengikut perintah/ penghakiman Mahkamah di dalam Kes Mal No. bertarikh.....

Bertarikh pada.....hb.....20.....M

Bersamaanhb.....14.....H

(Meterai)

Pendaftar

Kepada:

Pihak Pentaksir/ Peguam Syarie

Pihak Ditaksir/ Peguam Syarie

[BORANG TK 2]

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI/RAYUAN SYARIAH.....(Negeri)
Di(Daerah)
KES MAL NO.

Antara

..... Pihak Pentaksir

Dengan

..... Pihak Ditaksir

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI/RAYUAN SYARIAH(Negeri)
Di(Daerah)
Kes Mal No.

Antara

..... Plaintiff/ Pemohon/ Perayu

Dengan

..... Defenden/ Responden

BIL KOS

Bil (i)	Tarikh (ii)	No. Kaedah Dirujuk (iii)	Butiran (iv)	Kos (RM) (v)	Perbelanjaan (RM) (vi)	Amaun yang ditolak (RM) (vii)	Bantahan *[P @ Q] jika ada (viii)
			Menyusuri Dokumen Persediaan Guaman Pemfailan Afidavit				
			JUMLAH				
			Amaun keseluruhan (v+vi)				

		Amaun yang ditolak (vii)		
		Amaun yang dibenarkan (v + vi) – vii		
		Fi Alokatur		
		JUMLAH KESELURUHAN (v + vi) – vii + Fi Alokatur		

*P :Prinsip

Q:Quantum

Bertarikh padahb20M
Bersamaanhb 14H

Pihak Pentaksir/Peguam Syarie

Contoh:

Bil kos mengandungi butiran seperti berikut:-

- i. Bilangan perkara yang dipohon
- ii. Tarikh bagi kos yang dipohon
- iii. Butiran Kaedah yang dirujuk
- iv. Perkara yang menjelaskan tindakan sesuatu kos yang dipohon
- v. Kos yang dipohon
- vi. Perbelanjaan yang digunakan oleh Pihak Pentaksir semasa kes
- vii. Amaun yang ditolak oleh Pendaftar
- viii. Bantahan terhadap prinsip atau quantum

BIL KOS ini difaikkan olehyang mempunyai alamat penyampaian di

[BORANG TK 3]

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI/RAYUAN SYARIAH.....(Negeri)

Di.....(Daerah)

KES MAL NO.

Antara

..... Pihak Pentaksir

Dengan

..... Pihak Ditaksir

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI/RAYUAN SYARIAH(Negeri)

Di(Daerah)

Kes Mal No.

Antara

..... Plaintiff/ Pemohon/ Perayu

Dengan

..... Defenden/ Responden

ALOKATUR

DENGAN INI ADALAH DIPERAKUI bahawa penetapan Bil Kos di antara Pihak Pentaksir dan Pihak Ditaksir menurut keputusan bertarikhhb 20..... telah dibenarkan sebanyak RM

Bertarikh padahb20.....M

Bersamaanhb14.....H

(Meterai)

Pendaftar

ALOKATUR ini difaikkan oleh
beralamat di.....

BORANG TK 4

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI/RAYUAN SYARIAH.....(Negeri)

Di(Daerah)

KES MAL NO.

Antara

..... Pihak Pentaksir

Dengan

..... Pihak Ditaksir

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI/RAYUAN SYARIAH(Negeri)

Di(Daerah)

Kes Mal No.

Antara

..... Plaintiff/ Pemohon/ Perayu

Dengan

..... Defenden/ Responden

NOTIS RAYUAN

Kepada (Responden yang dinamakan di atas) yang beralamat di

AMBIL PERHATIAN bahawa Perayu yang dinamakan di atas akan merayu kepada Hakim Mahkamah Rendah/Tinggi/Rayuan Syariah dalam kamar di padahb 20....., jam pagi/petang terhadap keseluruhan / sebahagian keputusan Taksiran Kos yang dibuat di hadapan Pendaftar, Mahkamah Rendah/Tinggi Rayuan Syariah pada.....hb 20.....

Bertarikh padahb 20..... M

Bersamaanhb 14H Perayu/Peguam Syarie

NOTIS RAYUAN DI HADAPAN HAKIM ini difaikkan oleh
beralamat di

BORANG TK 5

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI/RAYUAN SYARIAH.....(Negeri)

Di.....(Daerah)

KES MAL NO.

Antara

..... Pihak Pentaksir

Dengan

..... Pihak Ditaksir

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI/RAYUAN SYARIAH(Negeri)

Di(Daerah)

Kes Mal No.

Antara

..... Plaintiff/ Pemohon/ Perayu

Dengan

..... Defenden/ Responden

ALASAN RAYUAN

PERAYU tidak berpuas hati terhadap keputusan yang dibuat oleh Pendaftar, Mahkamah Rendah/Tinggi/Rayuan Syariah(Negeri) dibagi kos Pemohon/Responden di bawah perintah bertarikhhb 20..... atas alasan-alasan yang berikut:

Bil.	Butiran	Amaun yang dipohon	Amaun yang dibenarkan	Alasan Rayuan

--	--	--	--	--

Bertarikh padahb20..... M

Bersamaanhb14 H

.....

Perayu/Peguam Syarie

ALASAN RAYUAN DI HADAPAN HAKIM ini difailkan oleh
beralamat di.....

BORANG TK 6

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI/RAYUAN SYARIAH.....(Negeri)

Di.....(Daerah)

KES MAL NO.

Antara

..... Pihak Pentaksir

Dengan

..... Pihak Ditaksir

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI/RAYUAN SYARIAH.....(Negeri)

Di(Daerah)

Kes Mal No.

Antara

..... Perayu

Dengan

..... Responden

JAWAPAN ALASAN RAYUAN

AMBIL PERHATIAN bahawa responden yang dinamakan di atas adalah *bersetuju/tidak bersetuju** keseluruhan/sebahagiannya* dengan alasan-alasan yang dikemukakan oleh perayu untuk rayuan di hadapan Hakim seperti berikut:

Bil.	Butiran	Amaun yang dipohon	Amaun yang dibenarkan	Alasan Kajian	Jawapan Alasan Kajian

--	--	--	--	--	--

*Potong mana yang tidak berkenaan

Bertarikh padahb 20..... M

Bersamaanhb 14 H

Responden/Peguam Syarie

Kepada Perayu

JAWAPAN ALASAN RAYUAN DI HADAPAN HAKIM ini difaikkan oleh
..... beralamat di

BORANG TK 7

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI/RAYUAN SYARIAH.....(Negeri)
DI.....(Daerah)
KES MAL NO.

Antara

..... Pihak Pentaksir

Dengan

..... Pihak Ditaksir

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI/RAYUAN SYARIAH(Negeri)
Di(Daerah)
Kes Mal No.

Antara

..... Perayu

Dengan

..... Responden

PERMOHONAN PERAKUAN PENETAPAN KOS

Kepada Pendaftar,
Mahkamah Rendah / Tinggi / Rayuan Syariah di

Bahwasanya saya Perayu yang dinamakan diatas dengan ini memohon satu salinan Perakuan Penetapan Kos dikeluarkan terhadap keputusan Pendaftar yang dibuat padaharibulan.....20..... di Mahkamah Rendah / Tinggi di

Bertarikh padahb 20.....M
Bersamaanhb14.....H Perayu

BORANG TK 8

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI/RAYUAN SYARIAH.....(Negeri)

DI.....(Daerah)

KES MAL NO.

Antara

..... Pihak Pentaksir

Dengan

..... Pihak Ditaksir

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI/RAYUAN SYARIAH(Negeri)

Di(Daerah)

Kes Mal No.

Antara

..... Perayu

Dengan

..... Responden

PERAKUAN PENETAPAN KOS

ADALAH DIPERAKUKAN bahawa Bil kos Perayu telah didengar oleh *Pendaftar/Hakim dalam Kamar dan diputuskan padahb. 20..... dan kos yang telah ditetapkan adalah sebanyak RM (Ringgit Malaysia:) atas alasan seperti berikut:

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

Bertarikh padahb 20.....M

Bersamaanhb14.....H

.....

Hakim

*Potong mana yang tidak berkenaan

BORANG TK 9

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI/RAYUAN SYARIAH.....(Negeri)

DI.....(Daerah)

KES MAL NO.

Antara

..... Pihak Pentaksir

Dengan

..... Pihak Ditaksir

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI/RAYUAN SYARIAH(Negeri)

Di(Daerah)

Kes Mal No.

Antara

..... Plaintiff/ Pemohon/ Perayu

Dengan

..... Defenden/ Responden

NOTIS PERAKUAN PENETAPAN KOS TELAH SIAP

AMBIL PERHATIAN bahawa perakuan taksiran penetapan kos telah siap dan boleh diperolehi di Mahkamah Rendah/Tinggi/Rayuan Syariah
Mulai

Bertarikh padahb20....M

Bersamaanhb20....H

.....

Pendaftar

Kepada
Pemohon.....

.....